

24 APR 1997

BANYAK PELUANG PERNIAGAAN DI ARAB SAUDI

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Pembangunan pesat dan kepelbagaian dalam ekonomi Arab Saudi telah membuka peluang perniagaan kepada para usahawan Malaysia, kata Menteri Perdagangan negara itu, Dr Osamah Jaffar Faquih, hari ini.

Antara sektor yang berpotensi yang ahli perniagaan Malaysia boleh ceburi termasuklah minyak dan petrokimia memandangkan bekalan yang banyak di negara berkenaan, tambahnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan panjang lebar dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz di pejabatnya di sini.

Dr Osamah berkata walaupun hubungan dagangan antara kedua-dua negara berkembang sejak lima tahun lalu, masih terdapat banyak potensi untuk memperluaskannya lagi dalam konteks kepelbagaian dan kuantiti perdagangan.

"Peluang pelaburan banyak terdapat dalam kedua-dua negara dan saya percaya Malaysia dan Arab Saudi akan melakukan yang terbaik untuk menarik lebih banyak pelaburan asing," katanya.

Sebagai anggota Bank Pembangunan Islam (IDB), kedua-dua negara boleh menggunakan kemudahan pembiayaan perdagangan dan jaminan pelaburan yang ditawarkan oleh bank itu untuk meluaskan hubungan dagangan antara satu sama lain.

Jumlah dagangan antara kedua-dua negara pada ketika ini berjumlah AS\$300 juta (RM750 juta).

Dr Osamah berkata: "Cita-cita kami tidak mempunyai had. Kami berharap melipat gandakannya pada tahun-tahun akan datang kerana potensinya cukup luas dan kita masih belum menggunakan sepenuhnya apa yang telah sedia ada. Jumlah dagangan semasa sangat rendah berbanding dengan keupayaan di kedua-dua negara."

Ketika perbincangan di sini kami memperolehi kata sepakat bahawa cara terbaik untuk menggalakkan perdagangan adalah menerusi pertukaran lawatan oleh perwakilan perniagaan dan mengadakan pameran perdagangan, tambahnya.

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) akan menganjurkan pameran perdagangan di Jeddah pada Jun ini manakala Arab Saudi pula akan menganjurkan pameran seumpama itu di sini dalam tahun ini juga.

Dr Osamah, yang mengadakan lawatan selama dua hari di sini, akan menghadiri Simposium Antarabangsa mengenai Dunia Islam yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok. -- BERNAMA

AA ZK MA